

Submission date: 5/03/2025 Accepted date: 16/04/2025 Published date: 30/05/2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol32no1.550>

KONSEP KEPIMPINAN INSANI SEBAGAI NARATIF BAHARU PEMBANGUNAN UMMAH DI MALAYSIA

Humane Leadership: New Narrative for Ummah in Malaysia

Mohd Faridh Hafez Mhd Omar

Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Corresponding Author: faridhomar@usim.edu.my

Abstract

The sustainable development of a society is highly dependent on the leadership style. Leadership in Islam focuses on human values and adding to that the basic principles as stated in the Qur'an and the hadith of the Prophet Muhammad (peace be upon him). Based on the textual analysis of the definitions of leadership, the objective of the study is to offer a new narrative of leadership in developing society in Malaysia. Using a descriptive method on previous studies, this study found that there are four human values found in the leadership of the Prophet Muhammad (peace be upon him) namely: peace between communities, recognizing the right to life and prohibiting murder, no coercion in religion and social problems, and da'wah activities which is inviting to goodness and forbidding doing evil. This study concludes that, humane leadership that incorporates with fundamental principles of Islam while upholding the universal values of humanity should lead a new narrative of the development of the ummah in the future.

Keywords: humane leadership, Prophet Muhammad, *ummah*

Abstrak

Pembangunan sesuatu masyarakat amat bergantung kepada gaya kepimpinan. Kepimpinan di dalam Islam memberi penumpuan kepada nilai keinsanan di samping prinsip-prinsip asas yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan analisa tekstual kepada definisi-definisi kepimpinan, objektif kajian menawarkan naratif baharu kepimpinan dalam membangun masyarakat khususnya di Malaysia. Menggunakan metod deskriptif ke atas kajian-kajian lepas, kajian ini mendapati terdapat empat nilai keinsanan yang terdapat di dalam kepimpinan Nabi Muhammad SAW iaitu: perdamaian antara masyarakat, mengiktiraf hak untuk hidup dan melarang pembunuhan, tiada paksaan dalam beragama dan permasalahan sosial, dan aktiviti berda'wah mengajak kepada kebaikan dan melarang melakukan kejahatan. Kajian ini merumuskan bahawa, kepimpinan insani yang terangkum di dalamnya prinsip-prinsip asas Islam dan mengangkat nilai sejagat kemanusiaan wajar memimpin naratif baharu pembangunan ummah di masa hadapan khususnya di Malaysia.

Kata kunci: kepimpinan insani, Nabi Muhammad, ummah, Malaysia

PENDAHULUAN

Kepimpinan dalam pandangan Islam adalah elemen terpenting dalam organisasi. Ia bertanggungjawab memastikan tadbir urus organisasi memenuhi objektif penubuhan dan memelihara hak masyarakat awam dengan panduan yang digariskan oleh Islam dari aspek dasar dan pendekatan. Dengan itu agenda pembangunan ummah dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa penyelewengan yang boleh meruntuhkan sistem kepercayaan masyarakat awam. Ini adalah kerana, kepimpinan menurut Islam mempunyai dua hubungan secara langsung dalam satu masa iaitu; mematuhi ketetapan Allah SWT dan memenuhi kepentingan ummat. Menjelas lanjut perihal dua hubungan tersebut seperti yang Allah SWT rakamkan dalam surah Ali-Imran: 3, Samsudin (2018) menyatakan ayat ini berupaya menjadi faktor pendorong dalam meningkat motivasi dan seterusnya memberi impak kepada prestasi kepimpinan.

Namun begitu, dua elemen ini semakin hilang dalam aspek kepimpinan pada hari ini. Lebih malang, istilah ‘kepimpinan Islam’ hanya lancar dibibir tetapi semakin kabur dalam perlaksanaan di semua peringkat pentadbiran organisasi. Muhammad (1997) mendapati sistem kepimpinan Islam, khususnya di dalam sistem politik di Malaysia telah menyebabkan pelbagai pihak mempunyai pandangan yang salah, mencurigakan dan menakutkan. Hasilnya kepimpinan dengan nilai Islam yang mengangkat prinsip ketuhanan dan mengiktiraf hubungan kemanusiaan dilihat gagal membawa pembangunan ummat secara keseluruhan. Lantaran itu, kebejatan gejala buruk dalam masyarakat serta berlakunya krisis kepimpinan yang menyebabkan keruntuhan kepercayaan dalam memelihara nilai kemanusiaan adalah akibat kerosakan faham kepimpinan yang sebenar dan akhirnya turut memberi kesan kepada pembangunan insan, keadilan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Merujuk kepada realiti semasa dan peri pentingnya penghayatan dan kefahaman nilai kepimpinan yang berteraskan Islam dengan focus kepada pembangunan insan, maka perbincangan beriku akan difokuskan kepada penjelasan tentang pengertian, konsep dan kesannya kepada pembangunan ummat dan negara secara keseluruhan.

DEFINISI KEPIMPINAN ISLAM MENURUT ILMUWAN ISLAM DAN KONTEMPORARI

Para ahli fikir islam telah mengemukakan pelbagai takrif bagi menjelaskan pengertian “Kepimpinan Islam”. Kebanyakan ilmuwan Islam bersependapat dengan takrif yang diberikan oleh al-Imam al-Mawardi (m. 422H) di mana ‘kepimpinan Islam’ ialah menggantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan menguruskan kehidupan dunia. Takrif yang dinyatakan oleh al-Mawardi dipersetujui dan turut diulang di dalam karya-karya klasik Islam seperti al-Ramli (Nihayah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj dan Ibn al-Azraq (Badai’ al-Silk fi Tabai’ al-Malik) (Muhammad, 1997).

Selain dari itu, Ibn Khaldun juga antara ilmuwan yang merungkai definisi asas kepimpinan Islam melalui karya agungnya “Muqaddimah”. Merujuk kepada Muhammad (1997), Ibn Khaldun menyatakan kepimpinan mempunyai tanggungjawab sama seperti khalifah di mana harus membawa seluruh manusia menjalani kehidupan mengikut landasan Syariah Islam demi kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat. Ini adalah kerana setiap suruhan yang ditetapkan Allah SWT di dunia ini diukur penerimaannya mengikut neraca akhirat. Justeru, di samping mengajak kepada kebaikan dan menghentikan kejahatan, sebagai khalifah turut berperanan mengawal pelaksanaan agama dan mengurus hal ehwal

kemanusiaan berteraskan acuan kefahaman agama. Takrifan pemimpin yang dijelaskan Ibn Khaldun menekankan aspek agama sebagai landasan panduan yang tidak boleh dinafikan dalam pengurusan kemanusiaan dan pentadbiran negara.

Selain daripada itu, Muhammad (1997) turut merungkaikan definisi kepemimpinan Islam dari pandangan ilmuwan yang lain seperti Rashid Rida, Ibn al-Azraq al-Qalqasyandi dan al-Juwayni. Secara rumusannya, dapat difahami bahawa kesemua ilmuwan tersebut menterjemahkan kepemimpinan Islam mencakup pentadbiran dan penguasaan seluruh ummat dengan menfokuskan pemeliharaan agama Islam dan memastikan pelaksanaan syariah Islam dapat ditegakkan disamping kesejahteraan ummat dalam aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan politik membangun dengan sempurna, adil dan aman. Muhammad (1997) kemudiannya merumuskan pandangan al-Juwayni dengan kenyataan berikut:

“Kepimpinan ialah, kepimpinan yang sempurna, penguasaan yang menyeluruh mencakupi urusan khas dan am di dalam tugas agama dan dunia yang terkandung di dalamnya soal menjaga keselamatan negara, menjaga kepentingan rakyat, mengatasi penyelewengan dengan dakwah dan hujjah/dialog serta dengan pedang (senjata) bagi membantu orang-orang teraniaya, memastikan orang-orang yang mempunyai hak mendapatkan haknya, juga memastikan hak-hak itu tidak dirampas oleh mana-mana pihak [termasuk pemerintah atau pemimpin]”.

Selain itu, pandangan ilmuwan kontemporari Islam ke atas definisi kepemimpinan Islam wajar untuk dibahaskan. Beekun dan Badawi (1999) berpandangan kepemimpinan di dalam Islam merupakan hubungan asas dua hala di antara seseorang individu dan Allah SWT secara langsung. Kewujudan hubungan antara dua individu yang seterusnya diterjemahkan di dalam aspek kepemimpinan adalah atas faktor keimanan mereka kepada Allah SWT. Maka dengan itu mereka berasa bertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan kepemimpinan yang diberikan. Selain dari itu, kepemimpinan dalam Islam juga dirujuk sebagai aktiviti moral yang mulia dan proses komunikasi ke arah mencapai satu matlamat yang sama (Al Sarhi et.al, 2014). Maka dengan itu, pemimpin dibezakan dengan pengikut (followers) dari aspek ilmu, komitmen kepada ajaran Islam dan pengangan nilai moral yang lebih tinggi. Manakala Altalib (1993) dan Chowdhury (2003) berkongsi pandangan kepemimpinan Islam menggabungkan proses kesukarelawanan dalam memberi inspirasi dan tunjuk ajar untuk mencapai visi secara bersama.

Atas faktor itu, pemimpin di dalam faham Islam tidak boleh bertindak secara autokratik atau kuku besi. Ini adalah kerana, kepemimpinan di dalam Islam adalah amanah yang mengikat pemimpin dari salah guna kuasa atau menyeleweng dalam membuat keputusan. Sebaliknya pemimpin bertanggungjawab memberikan tunjuk ajar, memelihara dan memenuhi kehendak pengikut dengan adil (Ahmad & Ogunsola, 2011). Maka dengan itu, Kader (1973) menyatakan focus kepemimpinan Islam ialah melakukan amal soleh hanya kerana Allah SWT, masyarakat Islam dan umat manusia keseluruhannya.

Lantaran itu, dengan jelas kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan para ilmuwan silam yang terdiri dari pelbagai latar kepakaran mempunyai pendapat yang sama dalam memberi pengertian ‘keimpinan Islam’. Bahkan, kenyataan mereka mempunyai persamaan dan mempunyai hubung-kait yang tidak terpisah seperti memelihara syariah agama, memperjuang kebaikan dan melarang kerosakan yang merupakan elemen asas kemanusiaan (insan).

PERMASALAHAN KAJIAN

Aspek kepemimpinan merupakan tunggak kekuatan sesebuah tamadun dan kenegaraan. Kerosakan kepemimpinan serta pemimpinnya menatijahkan kemusnahan kehidupan masyarakat

di dalamnya. Penemuan penting dari Umar Chapra (2008) menyatakan kerosakan akhlaq di kalangan pemimpin adalah punca utama kejatuhan tamadun Islam dalam sejarah kemanusiaan dunia Islam. Kerosakan akhlaq yang dimaksudkan merujuk kepada sifat seperti khianat, penipuan, malas, tidak bertanggungjawab, menggalakkan perkara-perkara haram, tiada ketelusan, rasuah dan kejahatan dalam hal ehwal agama. Umar Chapra (2008) turut menyatakan kesan kerosakan akhlaq ini mengakibatkan kehidupan masyarakat tidak seimbang dari sudut ketidaksamaan pendapatan, pembangunan pendidikan terganggu, konflik sosial dan politik berterusan dan perpecahan di kalangan ummah yang tiada penamat.

Manakala Ibn Khaldun di dalam magnum opus *Al-Muqaddimah* (1986) menyatakan faktor utama kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun amat bergantung kepada kesejahteraan atau kesengsaraan masyarakat di dalamnya. Kondisi masyarakat samada sejahtera atau sengsara menurut Ibn Khaldun berkait rapat kepada peranan pembangunan akhlaq, pengurusan institusi yang baik, psikologi masyarakat, kestabilan politik dan sosial serta struktur demografi di mana harus menjadi keutamaan pemimpin dan kepimpinannya. Tambahan dari itu, Arnold Toynbee (1935), seorang sejarawan dan ahli falsafah, menyimpulkan kejatuhan sesebuah tamadun sebagai “*civilizations die from suicide, and not by murder*”.

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk dari sudut masyarakat, agama dan bahasa sering dirujuk sebagai model negara yang aman dan harmoni sejak mencapai kemerdekaan pada 1957. Pun begitu Malaysia tidak sunyi dari cabaran kepimpinan mengurus konflik kaum dan agama seperti yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 dan tragedi Memali pada 1985 (Mohamed et.al, 2017). Dua tragedi hitam ini memberi pengajaran yang amat besar kepada Malaysia dan rakyatnya akan keperluan mempunyai kepimpinan dan pemimpin yang berwawasan dan bertanggungjawab dalam tadbir urus negara agar bebas dari konflik yang meruntuhkan.

Tahun 2020 merekodkan krisis kemanusiaan di seluruh dunia apabila diserang virus Covid-19 yang mengakibatkan kematian. Manakala di Malaysia seperti peribahasa “sudah jatuh ditimpa tangga” di mana berlaku dua krisis – krisis kemanusiaan serangan virus Covid-19 dan krisis kepimpinan politik dikenali sebagai “Sheraton Move”. Merujuk kepada peristiwa “Sheraton Move”, Mohd Irwan (2023) menggambarkan peristiwa tersebut sebagai suatu kegawatan politik dan krisis peralihan kuasa yang membawa kepada pembentukan pakatan politik baharu bernama Perikatan Nasional (PN) yang kemudiannya membentuk kerajaan “kontroversial”. Malah, dapatan kajian turut menyatakan 60.6 peratus responden menolak perubahan kepimpinan ketika di dalam krisis politik ditambah pula serangan Covid-19, serta bersetuju dengan pembentukan PN sebagai pengkhianatan kepada mandat rakyat di dalam pilihanraya umum ke-14 yang memilih Pakatan Harapan (PH) sebagai kerajaan. Susulan dari itu mengakibatkan ketidakstabilan politik di Malaysia berlanjutan dengan pertukaran Perdana Menteri Malaysia ke-7, ke-8 dan ke-9 dalam tempoh 4 tahun serta pengisytiharan darurat dan penutupan parlimen lalu menghalang perbincangan menangani krisis Covid-19 di kalangan ahli parlimen di Dewan Rakyat (Jaipragas, 2021). Ketidakstabilan politik yang berlaku telah merugikan masyarakat secara umum yang amat memerlukan perhatian kerajaan dalam membentuk polisi dan perancangan membaik-pulih ekonomi, sosial dan tadbir urus negara akibat Covid-19.

Menjadikan contoh krisis kemanusiaan pasca Covid-19 dan ketidakstabilan politik di Malaysia, telah memberi kesan mendalam kepada fizikal dan mental setiap masyarakat akibat ketidakcekapan pentadbiran kerajaan menangani dua krisis serentak. Kondisi seperti ini membuktikan kepentingan gaya kepimpinan yang ihsan dan besifat insani (kemanusiaan) dari pemimpin yang dipilih oleh rakyat untuk menerajuai kerajaan seperti di Malaysia. Kenyataan seperti ini turut ditegaskan sejarawan tersohor Syed Ali Tawfik Al-Attas ketika memberi maklum balas kepada krisis ketidakstabilan politik di Malaysia pada tahun 2021 seperti berikut:

“[Pemimpin] Jika kita tidak mengatasi masalah pengetahuan, pengetahuan yang korup, dan kenyataannya mereka yang mempunyai kuasa tidak berkelayakan untuk berada di tempat tersebut. Ia akan memberi kesan kepada persekitaran kita, ia telah berlaku. Ia akan memberi kesan kepada sosial kita, telah pun berlaku. Terlalu banyak ketegangan disebabkan mereka. Sikap angkuh pemimpin-pemimpin politik menyebabkan mereka sukar menerima kritikan dan pandangan.”

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif ke atas teks-teks yang membahaskan definisi kepimpinan. Pengumpulan data di dalam kajian ini dilakukan melalui kaedah dokumentasi yang telah diterbitkan dalam bentuk bercetak dan digital. Pengumpulan data definisi kepimpinan difokuskan kepada dua kategori; ilmuwan silam dan ilmuwan kontemporari. Data dari dokumen-dokumen ini seterusnya dianalisa secara tematik kandungan dengan memfokuskan kepada elemen nilai keinsanan merujuk kepada kepimpinan Rasulullah SAW. Empat nilai keinsanan dalam kepimpinan dikenalpasti dan diurai dengan pembuktian dan sokongan data-data kajian terkini. Analisis data ini menghasilkan dapata kajian seiring dengan objektif kajian menawarkan naratif baharu kepimpinan dalam pembangunan ummah di Malaysia.

NILAI KEINSANAN DALAM KEPIMPINAN RASULULLAH SAW

Nabi Muhammad SAW adalah tauladan terbaik dalam semua aspek tatacara kehidupan termasuk kepimpinan. Kebolehan kepimpinan Nabi Muhammad SAW amat terserlah dan memberi impak yang besar kepada penduduk Mekah samada sebelum dan semasa baginda diangkat menjadi Rasul Allah. Ketokohan Nabi Muhammad SAW dalam kepimpinan diperakui ramai penyelidik dari Barat khususnya walaupun dalam masa yang sama mereka mempunyai pandangan yang berbeza terhadap keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam aspek yang lain (Al Sarhi et.al, 2014). Selain itu, Hart (1992) di dalam bukunya “*The 100: A ranking of most influential persons in history*” menyenaraikan Nabi Muhammad SAW di tempat teratas di dalam 100 pemimpin berpengaruh sepanjang sejarah kemanusiaan.

Menyorot gaya kepimpinan Nabi Muhammad SAW perlu merujuk kepada dua sumber utama di dalam Islam iaitu; Al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW. Melalui dua sumber utama ini, menatijahkan kepada proses asas yang menjadi panduan dalam penilaian objektif gaya kepimpinan Nabi Muhammad SAW iaitu; elemen Tauhid (ketuhanan), elemen ibadah (kepatuhan kepada Syariah atau hukum Allah), dan elemen akhlaq (sahsiah keperibadian Nabi Muhammad SAW seharian). Maka boleh dikatakan bahawa matlamat kepimpinan yang ditonjolkan Nabi Muhammad SAW sama ada sebelum baginda diangkat menjadi Rasul Allah atau selepasnya adalah hanya untuk mengangkat martabat penciptaan manusia mentauhidkan Allah SWT dengan turut tunduk patuh kepada ketetapan hukum seperti yang termaktub di dalam Al-Quran dan hadith serta menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan. Setiap elemen ini diterangkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran melalui ayat 70 surah al-Isra’, ayat 4 surah al-Tīn, dan ayat 52 surah al-Zāriyyāt. Dapat disimpulkan bahawa tiga elemen ini menunjukkan nilai keinsanan manusia merupakan focus utama di dalam gaya kepimpinan Nabi Muhammad SAW kerana ia adalah kunci kebahagiaan hakiki buat semua manusia di dunia dan akhirat kelak.

Membahas perkara ini dengan lanjut, Abbasi et.al (2010) menjelaskan aspek ‘nilai dan kebertanggungjawaban’ yang tercipta dengan penciptaan manusia adalah dua perkara asas yang banyak ditekankan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran dan juga dapat dikenalpasti

melalui banyak hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh di dalam surah al-Isra' ayat 13 dan 14 yang bermaksud:

“Dan tiap-tiap seorang manusia Kami kalongkan bahagian nasibnya di lehernya, dan pada hari kiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk ditatapnya). Lalu Kami perintahkan kepadanya: “Bacalah kitab (suratan amalmu), cukuplah engkau sendiri pada hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang segala yang telah engkau lakukan).”

Manakala contoh dari hadith Nabi Muhammad SAW, Ibn Umar menyebut, beliau terdengar Nabi Muhammad SAW berkata:

“Setiap dari kamu adalah pengembala, dan kamu semua bertanggungjawab ke atas gembalaanmu” (al-Bukhari: 212).

Selain dari dua perkara tersebut, Syahansyah (2018) menambah empat nilai keinsanan yang dapat dipelajari dari karakter Nabi Muhammad SAW dan seterusnya menjadi gaya kepimpinan baginda. Pertama, aspek perdamaian antara kaum dan kabilah merupakan tunjang kepimpinan Nabi Muhammad SAW ketika di Madinah berbanding meneruskan tradisi amalan jahiliyyah yang gemar kepada persengketaan atau peperangan. Menjelaskan perkara ini dengan lanjut, ayat 107 dalam surah al-Anbiya yang bermaksud: “Tidak Kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam” adalah perakuan khas dari Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang perlu menyebarkan kesejahteraan dan kasih sayang (rahmah) kepada semua makhluk ciptaan Allah SWT.

Menghurai lanjut definisi “*rahmatan lil-‘ālamīn*”, secara umum membawa maksud mengasihi dan menyayangi. Ar-Raghib al-Ashfahani (m. 502H) menguraikan perkataan al-rahmah membawa makna *al-riqqah* (kelembutan) atau *al-ihsān* (kebajikan) atau *al-khayr* (kebaikan) dan *al-ni'mah* (kenikmatan). Maka dengan itu, Syahansyah (2018) menjelaskan perkataan ini bersifat musytarak iaitu indikasi penggunaan makna lafaz tersebut terikat atau ditentukan dengan sesuatu yang lain selepasnya. Selain itu, al-Imam Ibn Jawzi memberikan enam belas (16) makna literal berhubung pengertian rahmah dengan berpandukan item utama yang terkandung di dalam Al-Quran (Azmi & Ismail, 2018). Enam belas makna yang diberikan adalah (1) syurga, (2) Islam, (3) iman, (4) kenabian, (5) al-quran, (6) hujan (*al-matar*), (7) rezeki, (8) nikmat, (9) kesihatan (*afiya*), (10) pemberian (*al-minnah*), (11) kehalusan (*al-riqqah*), (12) pengampunan (*al-maghfirah*), (13) keluasan (*al-si'ah*), (14) kasih sayang (*al-mawaddah*), (15) pemeliharaan (*al-'ismah*), dan (16) cahaya (*al-shams*). Maka umumnya, kebanyakan pengertian yang dinyatakan oleh Ibn al-Jawzi menggambarkan sifat kasih dan rahmat yang dibawa oleh Allah dan RasulNya bermula di dunia sehingga hari pembalasan (kiamat). Lanjutan dari itu, amat jelas bahawa nilai keinsanan melalui perdamaian dan mengelakkan persengketaan di dalam kepimpinan adalah amat penting untuk dipunyai oleh setiap pemimpin Muslim seperti mana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Kedua, larangan membunuh mana-mana individu tanpa hak dan dengan cara yang dibenarkan dalam agama merupakan nilai keinsanan yang perlu dipertimbangkan di dalam kepimpinan. Perkara ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 32 yang bermaksud:

“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan

kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.”

Ayat ini secara jelas melarang seseorang membunuh individu yang lain. Tidak sekadar itu, menghilangkan (membunuh) nyawa seorang manusia, dianggap sama dengan membunuh umat manusia secara keseluruhan. Islam tidak pernah mengajarkan untuk saling membunuh apalagi jika hanya kerana aspek emosional dijadikan panduan. Membunuh di sini bermakna mengambil hak hidup seseorang manusia yang lain. Sedangkan hidup di dunia adalah perlu dipertanggungjawabkan ke atas seseorang kepada Allah SWT. Perdamaian dalam Islam menjadi suatu perkara yang tidak boleh ditawarkan dengan perkara yang lain. Walaupun begitu, dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, peperangan diizinkan berlaku sekiranya untuk mendapatkan perdamaian dan untuk pertahankan hak kedaulatan wilayah.

Memelihara nyawa termasuk di dalam lima objektif *al-maqāsid al-syar‘iyyah*. Imam al-Syatibi menjelaskan pemeliharaan nyawa atau *hifz al-nafs* adalah perkara kedua terpenting yang perlu dipelihara selepas agama (*hifz al-din*) (Abdelgafar, 2018). Selari dengan matlamat tersebut, agama Islam diturunkan bertujuan untuk mengangkat dan memelihara nilai keinsanan yang berteraskan belas kasihan dan bermasyarakat (Arummi, 2016). Dapat difahami bahawa, objektif pemeliharaan nyawa mempunyai kaitan dengan perlindungan dan perlaksanaan prinsip hak asasi manusia yang dikongsi sejagat, iaitu hak untuk hidup (Al-Isra: 31-33). Di dalam surah yang lain, Al-Quran turut menegaskan kepentingan untuk memberikan perlindungan kepada kumpulan yang lemah dan tertindas (Al-Balad: 12-16). Maka dengan itu, amat jelas bahawa prinsip memelihara nyawa turut mencakup kefahaman berikut; setiap orang mempunyai hak untuk hidup, mempunyai hak untuk melangsungkan kehidupan dan meningkatkan taraf hidup, setiap orang turut mempunyai hak untuk hidup dengan aman dan sejahtera dari segi fizikal dan mental, dan setiap orang mempunyai hak untuk berasa aman dan selamat dari ancaman keganasan dan kerosakan. Arummi (2016) menyimpulkan kesemua aspek yang dinyatakan merangkumi jaminan keselamatan nyawa, anggota badan dan juga maruah manusia.

Perkara ketiga yang menjadi tonggak nilai keinsanan di dalam kepimpinan Nabi Muhammad SAW ialah tiada paksaan di dalam beragama. Syahansyah (2018) merujuk kepada keseluruhan mafhum surah al-Kāfirūn ayat 1 hingga 6 di mana merupakan asas kefahaman tiada paksaan di dalam beragama dan juga permasalahan sosial. Syahansyah menjelaskan surah ini adalah dalil kepada tiada paksaan di dalam semua perkara yang terkait dengan kehidupan individu termasuk dalam persoalan tadbir urus hal ehwal kehidupan di mana setiap individu diberikan kebebasan untuk memilih apa yang terbaik untuk dirinya.

Menurut Friedman (2003), tiada paksaan dalam beragama di dalam Islam merupakan satu sifat toleransi yang diwarisi sejak zaman awal Islam. Walaupun penduduk Mekah dan Madinah tidak dipaksa untuk memilih Islam, tetapi sebaliknya yang berlaku ialah kumpulan Muslim yang beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW telah dipaksa untuk meninggalkan Islam ketika di Mekah sebelum peristiwa Hijrah seperti kisah Bilal bin Rabah, Ammar bin Yasar dan beberapa sahabat Nabi Muhammad SAW yang lain, dan ini menunjukkan sikap toleransi tidak wujud di kalangan penduduk Quraisy Mekah (Friedman, 2003: 103). Selain dari Al-Quran sebagai bukti perlaksanaan toleransi tiada paksaan dalam beragama, perjanjian Sahīfah Madīnah yang dibuat oleh Nabi Muhammad SAW sejurus memimpin kota Madinah membuktikan bahawa kepimpinan Islam memperakui kehidupan bersama secara damai (*peaceful co-existence*) di mana secara tidak langsung menolah elemen

perkauman, dan memperjuangkan kesaksamaan serta menjamin hak kebebasan memilih agama (Nor, 2011).

Sahifah Madīnah yang ditandatangani pada tahun 622 AD antara Nabi Muhammad SAW dan ketua-ketua kabilah Arab di Madinah dianggap sebagai dokumen kenegaraan terawal di dalam sejarah ketamadunan manusia (Nor, 2011). Selain itu, persetujuan yang dicapai melalui Sahifah Madīnah ini turut diperakui sebagai model panduan kehidupan bersama di antara penduduk pelbagai bangsa dan budaya di dalam era moden ini (Ibrahim, 2010). Sahifah Madīnah mempunyai 47 perkara, dan berikut adalah perkara yang perlu dipersetujui bersama di samping menghormati prinsip tiada paksaan beragama:

1. kesepakatan persaudaraan antara Muhajirin (mereka yang berhijrah ke Madinah dari Makkah) dan Ansar (orang Madinah)
2. keselamatan orang bukan Islam yang tinggal di persekitaran Islam di Madinah
3. pengisytiharan awam bahawa Madinah adalah wilayah orang Islam
4. mengakui bahawa Al-Quran dan Hadis adalah dua sumber utama di Islam
5. Nabi Muhammad adalah ketua negara
6. Kerjasama semua penduduk Muslim atau bukan Islam untuk mempertahankan Madinah dari serangan musuh dan orang luar

Maka dengan ini amat jelas bahawa kepimpinan Islam yang dipimpin Nabi Muhammad SAW mempunyai nilai keinsanan yang tinggi. Dengan adanya Sahifah Madīnah sebagai contoh, menunjukkan bahawa penduduk Muslim harus menghormati dan melayan penduduk bukan Islam dengan pertimbangan yang baik dan bermurah hati. Di dalam situasi penduduk bukan Islam tidak melakukan sebarang kerosakan atau kejahatan kepada penduduk Islam, maka seharusnya sikap toleransi yang baik ditunjukkan. Perkara ini dijelaskan Allah SWT di dalam surah Al-Mumtahanah, ayat 8, bermaksud:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Terakhir, nilai keinsanan yang dapat dicontohi dari peribadi Nabi Muhammad SAW ialah dari perintah melakukan da'wah dengan tiga prinsip asas; hikmah, peringatan yang baik dan berbasah atau berbincang dengan sopan dan baik. Tiga prinsip asas ini berdasarkan ayat 125 surah al-Nahl, bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Da'wah secara prinsipnya bertujuan mengajak manusia untuk patuh kepada Allah SWT sesuai dengan Al-Quran dari surah al-Zāriyyāt ayat 56. Ayat ini menegaskan tugas dan tanggungjawab manusia ialah berbakti kepada Allah dengan mengikut segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Maka dengan itu, perlaksanaan tugas da'wah yang merupakan tugas warisan dari para rasul dan nabi perlulah menggunakan kaedah atau pendekatan tertentu yang sesuai dengan kumpulan sasaran agar ia tidak menjadi fitnah kepada agama di samping memastikan keberkesanan da'wah berkembang dan tersebar dengan efektif. Pentingnya pendekatan dan kaedah dalam melakukan kerja da'wah diberi perhatian adalah

kerana da'wah Islam merupakan manhaj yang menjamin kemuliaan kehidupan insan dengan memastikan kebaikan abadi di akhirat kelak (Don & Puteh, 2010).

Ismatullah (2015) menjelaskan konsep metode da'wah dari ayat 125 surah al-Nahl di mana Hamka menyatakan ayat ini adalah panduan asas kepada para rasul dalam menyampaikan mesej da'wah agar manusia berjalan lurus menuju kepada Allah SWT. Sehubungan itu, kata hikmah di dalam ayat ini membawa pelbagai tafsiran di kalangan para ilmuwan. Sebagai contoh, ahli tafsir seperti Imam Fakhru al-Radzi menjelaskan bahawa kalimah al-Hikmah dalam ayat di atas merungkaikan tentang asas pendekatan dalam mengajak kepada kebaikan yang berkesan. Ianya haruslah berlandaskan perintah wahyu Al-Quran dan merujuk kepada sunnah Rasulullah SAW, dan yang terpenting ialah berdasarkan kepada kefahaman agama dan ilmu pengetahuan dalam memastikan golongan sasaran memahami intipati perkara yang ingin disampaikan (Al-Radzi, 1994).

Manakala, Wahbah al-Zuhailiy berpendapat hikmah di dalam ayat tersebut membawa maksud kepada '*al-Hikmah*' yang telah dikurniakan kepada hamba yang terpilih seperti Luqman al-Hakim, sebagai suatu kurnian yang besar dan anugerah agung milik Allah SWT. Ianya merupakan suatu kefahaman yang hebat serta ketajaman ilmu pemikiran yang cerdik terutamanya dalam melakukan pertimbangan yang terbaik terhadap sesuatu perkara (al-Zuhailiy, 2000: 2024). Lanjutan dari itu, hikmah juga boleh merujuk kepada suatu sifat mulia yang menggambarkan perkataan untuk menerangkan asas-asas dalam aktiviti da'wah. Maka dengan itu, hikmah dalam berdakwah turut mencakup dalam aspek tingkah laku dan pergaulan, pertuturan, khidmat masyarakat dan kepimpinan (Yasin et.al, 2015). Maka adalah jelas di sini bahawa elemen hikmah adalah penting dalam pengurusan keinsanan yang tidak terhad kepada persoalan keagamaan tetapi turut meliputi aspek sosial kemasyarakatan.

Elemen kedua di dalam ayat yang sama ialah *mau'izah al-hasanah* atau peringatan yang baik. Dalam menyampaikan mesej da'wah melalui kaedah nasihat dengan cara penyampaian yang baik adalah penting. Ini adalah kerana manusia mempunyai hati dan naluri yang lembut, maka dengan itu percakapan dan nasihat yang baik lebih mudah diterima berbanding gaya penyampaian yang menyakitkan hati dan perasaan (Don, 2010). Sehubungan itu, Hamka di dalam tafsirnya Tafsir al-Azhar, menjelaskan elemen peringatan yang baik seharusnya bermula dari rumah di mana pendidikan dan pengajaran dari ibu ayah di dalam rumah memberi kesan langsung kepada aktiviti da'wah di luar rumah dan kepada *mad'u* sasaran yang pelbagai (Ismatullah, 2015).

Selain itu, banyak contoh nasihat yang baik yang diguna pakai oleh Nabi Muhammad SAW ketika menyampaikan da'wah di Mekah dan Madinah. Abdul Fattah Abu Ghuddah (2009) menjelaskan kaedah penyampaian nasihat yang baik seperti yang diitunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW memberi kesan positif di mana nilai-nilai murni berjaya dinormalisasikan di kalangan para sahabat dan ahli keluarga baginda lalu menunjukkan gaya kepimpinan baginda mempunyai nilai keinsanan yang tinggi (Mohamad et.al, 2018). Dalam pada itu, Mohamad et.al (2018) turut menyenaraikan elemen-elemen penting yang mesti ada dalam penyampaian nasihat yang baik iaitu; penyampaian secara beransur-ansur, mengikut suasana, melalui contoh tauladan, kaedah pengulangan, berkomunikasi secara langsung, melalui kiasan, kaedah pemisalan dan kisah-kisah pengajaran. Sebagai contoh ketika Nabi SAW berbicara akan sesuatu, baginda akan mengulangi perkara tersebut sebanyak tiga kali agar yang mendengar perkara tersebut dapat faham dengan baik, seperti yang diriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari, bermaksud:

“Daripada Anas bin Malik, daripada Nabi sesungguhnya apabila baginda berbicara, ia akan mengulanginya sebanyak tiga kali agar ia dapat difahami.”
(no.94, Sahih al-Bukhari)

Selain dari itu, berbahas dengan baik turut terkait dengan nilai keinsanan di dalam kepimpinan. Merungkai ayat ini, Don (2010) melalui Fu'ad Ifram al-Bustani menerangkan makna 'mujadalah' ialah kaedah berdebat dengan bersungguh-sungguh, mahir dalam isu yang dibincangkan dimana tujuannya hanyalah untuk menzhahirkan kebenaran. Matlamat berbahas untuk kebenaran turut dirakamkan di dalam surah al-Ankabut ayat 46 yang bermaksud:

“Janganlah kamu berbahas dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang lebih baik.”

Atau dari surah al-Fussilat ayat 34 yang bermaksud:

“Tolaklah kejahatan yang ditujukan kepadamu dengan cara yang lebih baik.”

Berdasarkan rangkuman tiga ayat di atas, di mana keutamaannya ialah berbahas dengan baik dengan semua pihak, maka adalah penting sebagai pemimpin mempunyai kemahiran berbahas atau berbincang dengan asas ilmiah dan fakta dalam menzhahirkan kebenaran agar tiada mana-mana pihak yang teraniaya akibat dari perbincangan tersebut. Abdullah Nasih Ulwan (2000) menegaskan adalah penting pendakwah itu mempunyai dua kekuatan di dalam berbahas atau berhujah di mana dapat membantu mereka menyampaikan mesej yang benar dan seterusnya diterima dengan hati yang terbuka. Dua kekuatan itu ialah kekuatan yang memuaskan (*quwwah al-iqna'iyyah*) dan kekuatan fakta (*quwwah al-hujjah*). Pada pandangan Syed Qutb, dua kekuatan ini hanya dipunyai oleh para rasul dan sebahagian pendakwah sahaja kerana ia bertujuan untuk mengangkat darjat dan kualiti pendakwah kepada tahap yang dipanggil darjah *al- 'azīm* (Don, 2010).

Berdasarkan perbincangan melalui kaedah deskriptif sorotan literatur, dapat difahami bahawa gaya kepimpinan Nabi Muhammad SAW ketika di Mekah dan Madinah mempunyai latar nilai keinsanan di mana menepati kehendak fitrah penciptaan manusia sebagai sebaik-baik ciptaan (Al-Quran, Al-Tin: 4). Begitu banyak penjelasan yang ditunjukkan di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW berkenaan nilai keinsanan yang menjadi tunjang asas dalam memimpin manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran demi kesejahteraan abadi di akhirat kelak.

Walaupun begitu, dunia masa kini menghadapi permasalahan kepimpinan yang berpunca dari salah faham menilai aspek keinsanan di dalam diri manusia. Perbincangan seterusnya akan membahaskan beberapa permasalahan masa kini yang berpunca dari gaya kepimpinan yang tidak memberi keutamaan kepada aspek keinsanan. Kegagalan mengutamakan nilai keinsanan di dalam kepimpinan berpotensi menggugat pembangunan ummah dan seterusnya meruntuhkan ketamadunan sesuatu negara.

NILAI KEINSANAN DI DALAM KEPIMPINAN MASA KINI

Tauladan kepimpinan yang diwariskan oleh Nabi Muhammad SAW adalah untuk memperteguh pengamalan ajaran Islam yang mengangkat martabat keinsanan manusia di dunia dan di akhirat. Sewajarnya pemimpin Islam pada masa kini memberi perhatian terhadap pembangunan ummat berdasarkan membangun nilai keinsanan berbanding perkara-perkara lain. Ini adalah kerana, nilai keinsanan yang sedia wujud di dalam diri setiap individu, tanpa membataskan kepada latar bangsa, agama, budaya dan bahasa, merupakan kunci kejayaan pembangunan tamadun sesuatu ummat dan juga negara.

Francis Fukuyama di dalam bukunya *The Great Distruption* menjelaskan kekuatan tamadun dan pembangunan sesebuah negara bergantung kepada perubahan paradigma nilai kemanusiaan (keinsanan) ke atas perubahan-perubahan yang sedang berlaku secara global di dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, sosial, informasi dan struktur kepimpinan politik. Atas

faktor itu, beliau menegaskan bahawa undang-undang sosial dan nilai moral yang dikongsi sejagat tidak terletak kepada pilihan individu, sebaliknya ia juga bergantung kepada sistem sosial dan kekuatan struktur kepimpinan (2017:85). Maka dengan itu, beliau turut beranggapan bahawa nilai keinsanan di dalam suasana global yang tidak menentu akan ditentukan oleh faktor politik kuasa berbanding nilai yang wujud di dalam agama (Fukuyama, 2017: 126).

Sebagai contoh, ‘kepercayaan’ adalah nilai terpenting yang mengikat kebersamaan antara masyarakat awam dan pemimpin atau pentadbir di dalam struktur kenegaraan dan begitu juga organisasi awam dan swasta. Namun, dunia hari ini menghadapi krisis kepercayaan di semua peringkat kepimpinan organisasi dan negara. Laporan dari Edelman Trust Barometer menunjukkan sejak 2016 hingga 2020, empat sektor; kerajaan, organisasi perniagaan, NGO dan media – sedang menghadapi krisis kepercayaan awam walaupun sektor ekonomi global berkembang. Selain dari itu, laporan yang sama turut menyatakan bahawa, ahli agamawan berada di dalam kelompok yang sama dengan ahli politik, dan ahli perniagaan, yang mempunyai skor ‘percaya’ terendah berbanding media dan aktivis NGO. Krisis kepercayaan ini berpunca dari pandangan awam yang tidak yakin tiga kelompok ini berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka termasuk mengurus negara keluar dari krisis global. Walaupun kebanyakan kajian menyatakan keupayaan mengurus ekonomi merupakan faktor terbesar yang mempengaruhi kepercayaan awam, namun kebolehan memimpin dengan memberi fokus kepada kesejahteraan nilai keinsanan turut menyumbang kepada peningkatan tahap kepercayaan kepada pemimpin. Sekiranya perkara ini tidak diberi keutamaan, maka secara perlahan nilai keinsanan akan terhakis dari kompas kepimpinan dan akhirnya akan meruntuhkan sistem sosial secara keseluruhan (Zinchenko, 2018).

Jenayah rasuah turut menyumbang kepada keruntuhan nilai keinsanan di dalam kepimpinan masa kini. Jenayah rasuah diperakui boleh meruntuhkan sesebuah tamadun negara yang kuat dan untuk bangkit semula merupakan perkara yang akan mengambil masa yang lama. Laporan Corruption Perceptions Index 2021 menyatakan sejak Januari 2020 global tidak hanya menghadapi krisis kesihatan dan ekonomi akibat pandemik Covid-19, tetapi turut menghadapi krisis rasuah yang berpanjangan. Menurut jurucakap CPI 2021 Delia Ferreira Rubio, “jenayah rasuah adalah satu-satunya masalah tidak berjaya diselesaikan oleh kebanyakan negara berbanding masalah kesihatan”. Selain dari itu, kegagalan mengurus jenayah rasuah adalah kerana tiada definisi yang tepat menghurai makna “rasuah” (Sanusi & Ismail, 2016). Atas dasar itu, sebahagian kes rasuah yang berlaku melibatkan kepimpinan utama sesebuah negara. Ini bermakna nilai keinsanan yang dimuliakan Allah SWT tidak dihormati oleh pemimpin kerana sanggup terjebak dengan jenayah rasuah. Atas dasar itu, perancangan melawan jenayah rasuah amat sukar untuk dilakukan. Sebagai contoh di Indonesia, rakan sekerja dan pemimpin adalah faktor utama yang menyumbang seseorang terlibat dengan rasuah dan dalam masa yang sama dua kumpulan tersebut turut menjadi indikator utama dalam memastikan amalan rasuah tidak berlaku (Silitonga et.al, 2019).

Secara umumnya, penyelidikan menganggap jenayah rasuah merupakan jenayah domestik bagi sesebuah negara dan ia merupakan fenomena budaya setempat yang bergantung kepada tahap kefahaman dan nilai budaya bagi sesebuah masyarakat (Melgar et.al, 2010). Maka dengan itu, seseorang yang tidak terlibat di dalam jenayah rasuah tidak berupaya untuk memberi justifikasi kepada seseorang yang lain yang terlibat dengan jenayah rasuah kerana mempunyai nilai kepercayaan dan sudut pandang yang berbeza. Walaupun begitu, dalam pandangan Islam, rasuah adalah jenayah besar yang boleh mengakibatkan kerosakan sistem dan struktur masyarakat yang sejahtera dan seterusnya merendahkan martabat keinsanan seseorang (Ismail et.al, 2009). Maruah keinsanan amat tinggi di sisi Islam, khususnya terkait dengan kepimpinan. Azra (2010) menjelaskan bahawa Islam amat memberi penekanan kepada konsep *akhlāq al-karīmah* atau kemuliaan akhlak. Sehubungan itu, Islam amat menentang

segala jenis aktiviti yang melanggar nilai kemuliaan insan seperti rasuah, mencuri dan merompak yang boleh mengakibatkan ketidakadilan berlaku kepada orang lain.

Selain itu, salah guna kuasa juga merupakan masalah di dalam kepimpinan masa kini. Banyak laporan yang menyatakan pemimpin dunia samada dari blok Barat dan blok dunia Islam terlibat di dalam salah guna kuasa. Noam Chomsky di dalam bukunya *Failed State* menyatakan pemimpin yang gagal memelihara warganagernya dari keganasan dan kemusnahan boleh dianggap sebagai negara yang gagal (2007). Tetapi, bagi pemimpin sesebuah negara yang menyalahgunakan kuasanya dan melakukan keganasan atau membawa kerosakan ke atas negara lain, juga dikategorikan sebagai negara yang gagal. Ini adalah kerana, setiap nyawa mempunyai hak untuk hidup dengan aman dan sejahtera seperti yang termaktub di dalam deklarasi hak asasi manusia (UNDHR). Maka dengan itu, seharusnya kuasa yang berada di tangan pemimpin diguna-pakai dalam memelihara nilai dan hak kemanusiaan sejagat seperti yang telah ditetapkan oleh perundangan.

Selain itu, salah guna kuasa boleh berlaku di mana-mana termasuk di peringkat tertinggi kenegaraan dan juga di tempat kerja. Melalui kajian yang dijalankan sepanjang 20 tahun, Dacher Keltner (2016) menyatakan tempat kerja atau syarikat/organisasi merupakan tempat yang mudah untuk berlaku salah guna kuasa tanpa disedari oleh individu terbabit. Ini adalah kerana, di dalam organisasi, seseorang itu mempunyai kuasa atau boleh diberikan kuasa kerana kenaikan pangkat atau bertukar jabatan berdasarkan perkembangan prestasi yang ditunjukkan. Namun, dengan adanya kuasa baru secara perlahan telah menjadikannya penting diri, pamarah, tidak beretika yang akhirnya terlibat dengan salah guna kuasa. Pada beliau, situasi ini dipanggil sebagai "*the power paradox*" dan ia sama bahaya seperti pemimpin negara menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi. Dalam makna lain, salah guna kuasa boleh menghakis nilai keinsanan dalam diri sendiri lalu gagal untuk menghormati nilai kemanusiaan pada orang lain. Atas dasar itu, Manuela Priesemuth melancarkan kempen "*Time's up for toxic workplace*" dan sewajarnya kempen ini dikembangkan kepada pemilihan pemimpin negara yang secara terbuka melakukan salah guna kuasa kepada masyarakat awam.

KESIMPULAN

Konsep kepimpinan Islam terbina atas prinsip dan keperihatinan ke atas nilai keinsanan manusia. Dari perbincangan literatur menunjukkan bahawa kepimpinan Islam teradun dengan pembangunan insan secara bersepadu dengan penekanan kepada empat nilai yang dapat dicontohi dari kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Unsur-unsur keinsanan yang terdapat di dalam kepimpinan Nabi Muhammad SAW ialah: perdamaian antara masyarakat, mengiktiraf hak untuk hidup dan melarang pembunuhan, tiada paksaan dalam beragama dan permasalahan sosial, dan amalan da'wah mengajak kepada kebaikan dan melarang melakukan kejahatan.

Walaupun begitu, kepimpinan masa kini dilihat tidak berpegang kepada kemuliaan nilai keinsanan dalam gaya kepimpinan mereka. Masalah rasuah, salah guna kuasa dan defisit percaya kepada pemimpin samada di peringkat negara dan organisasi menjadi masalah global pada hari ini. Keterlibatan pemimpin-pemimpin utama negara dalam jenayah rasuah dan salah laku kuasa untuk kepentingan peribadi secara perlahan mengakibatkan pembangunan negara terganggu dan seterusnya memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat awam. Lantaran itu, masyarakat Muslim dengan tegas menolak kepimpinan yang mengabaikan asas nilai kemanusiaan seperti yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW di mana contoh-contoh tersebut boleh dirujuk di dalam Al-Quran dan hadith-hadith baginda.

Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa masa depan ummah khususnya di Malaysia terletak di atas gaya kepimpinan yang berteraskan nilai keinsanan yang terangkum di dalamnya prinsip-prinsip asas Islam. Pemimpin Islam perlu sepakat mengamalkan prinsip Islam dan menjadikannya dasar di dalam sistem pentadbiran dan kepimpinan dengan penerapan nilai

keinsanan sekaligus mengangkat ‘kepimpinan insani’ sebagai naratif baharu pembangunan insan secara komprehensif dan holistik.

RUJUKAN

- Abbasi, A. S., Rehman, K. U., & Bibi, A. (2010). Islamic leadership model an accountability perspective. *World Applied Sciences Journal*, 9(3), 230-238.
- Abdelgafar, B. I. (2018). *Public Policy: Beyond Traditional Jurisprudence: A Maqasid Approach*. United States: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ahmad, K., & Ogunsola, O. (2011). An empirical assessment of Islamic leadership principles. *International Journal of Commerce and Management*, 21(3), 291-318
- Al-Rāghib al-Ashfahani. (2012). *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*, Mesir: Dar -al-Ma‘rifah
- Al-Radzi Fakhru al-Din. (1994). *Tafsīr al-Fakhr al-Radzī al-Musytahar bi al-Tafsīr wa Mafātihī al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Sarhi, N. S., Salleh, L. M., Mohamed, Z. A., & Amini, A. A. (2014). The West and Islam perspective of leadership. *International affairs and global strategy*, 18, 42-56.
- Al-Zuhailiy Wahbah. (2000). *Tafsīr al-Wasīt*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘āsarah.
- Arummi, A. (2016). Hifzh A'n-Nafas Instrument of Maqāshid A'sy-Syar'ah to Revive the Human Values (Perspective of Fiqh Priority). *ICoMS 2016*, 86. (kertas persidangan)
- Azmi, A. S., & Ismail, M. Y. (2018). Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*.
- Azra, A. (2010). Islam, corruption, good governance, and civil society: the Indonesian experience. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, 2(1).
- Beekun, R. I., & Badawi, J. A. (1999). *Leadership: An Islamic Perspective*. Maryland: Amana Beltsville.
- Chapra, U. (2008). *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*. Leicestershire, UK: The Islamic Foundation.
- Chowdhury, N. (2002). Leadership strategies and global unity for the 21st century: An Islamic perspective. *Leadership & Unity in Islam*, 23
- Don, A. G., & Puteh, A. (2010). Pengurusan Dakwah: Analisis Pendekatan KeMalaysiaan. *Al-Hikmah*, 2, 97-106.
- Don, A. G. (2010). Relevansi dan Aplikasi Ayat 125, Surah al-Nahl dalam Konteks Dakwah Serantau. *Al-Hikmah*, 2, 127-134.
- Friedmann, Y. (2003). *Tolerance and coercion in Islam: interfaith relations in the Muslim tradition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hart, M. H. (1992). *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*. Canada: Citadel.
- Ibrahim, Z. (2010). Islam and Pluralism. *American Journal of Islam and Society*, 27(4), i-vi.
- Ib Khaldun, A.R (1986). *Al-Muqaddimah*. Trans: F. Rosenthal, London: Routledge.
- Ismail, S. H. S., Ab Rahman, A., & Zain, M. I. M. (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam ke arah efektif governan di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), 559-592.
- Ismatullah, A. M. (2015). Metode Dakwah dalam Al-Qur'an (Studi Penafsiran Hamka terhadap QS. An-Nahl: 125). *Lentera*, 17(2).
- Jaipragas, Bhavan (26 July 2021). "Malaysia's parliament in chaos as PM refuses to allow debate". *South China Morning Post*. Diakses 17 August 2021.
- Kader, A. (1973). Islamic leadership and personality from man to mankind. *Al-Ittihad*, 10(1), 9-10.
- Keltner, D. (2016). *Don't let power corrupt you*. Harvard Business Review at <https://hbr.org/2016/10/dont-let-power-corrupt-you>. Accessed on 10th October 2021.

- Melgar, N., Rossi, M., & Smith, T. W. (2010). The perception of corruption. *International Journal of Public Opinion Research*, 22(1), 120-131.
- Mohamad, N., Majid, M. A., & Nasir, B. M. (2018). Pendekatan Dakwah dalam Kaedah Pengajaran Kepada Muallaf. *Wardah*, 19(01), 1-17.
- Mohamed, W. A. W., Sualman, I., & Saabar, S. S. (2017). Political Anxiety and Malaysian Political Scenario. *Advanced Science Letters*, 23(8), 7618-7621.
- Mohd Irwan Syazli Saidin. (2023). Malaysia's crisis of political legitimacy: Understanding the 2020 power transition and 'Sheraton Move' polemics through the 'eyes' of Malaysian political science graduates, *Cogent Social Sciences*, 9:1, DOI: 10.1080/23311886.2023.2222572
- Muhammad, S. (1997). Kepimpinan Islam: Satu Agenda Pembangunan Ummah. *Jurnal Usuluddin*, 6, 131-148.
- Nor, M. R. M. (2011). Protecting non-Muslim: Its implementation during early Muslim rule of Islamicjerusalem. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 9(1), 209-249.
- Samsudin, N. H. (2018). The application of Habluminallah and Habluminannas in the work motivation of the management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 1148-1157.
- Sanusi, A., & Ismail, S. H. S. (2016). Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 3(2), 33-51.
- Silitonga, M. S., van Duijn, M., Heyse, L., & Wittek, R. (2019). Setting a good example? The effect of leader and peer behavior on corruption among Indonesian senior civil servants. *Public Administration Review*, 79(4), 565-579.
- Syahansyah, Z. (2018). Telaah Nilai Kemanusiaan dan Perdamaian dalam Perspektif Rahmatan lil Alamin. *Rahmatan Lil Alamin: Journal Of Peace Education And Islamic Studies*, 1(1), 1-1.
- Tawfik al-Attas, S. A. (2 November 2021). "Malaysia perlukan kepimpinan yang baik untuk atasi banyak masalah." *Astro Awani*. Diakses 24 Mac 2024.
- Yasin, R., Abdullah, M. R. T., Ghani, S. A., Shahril, M. I., & Ali, S. K. S. (2015). Pendekatan hikmah dalam pembentukan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 11(1), 29-44.
- Zinchenko, V. (2018). Humanistic Values and Enlightenment Strategies of Global Society in the Potential of the Sustainable Development of Democracy. *American Research Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 1-13.